

CORDIPIN TABLET

Nifedipine 10mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apa kegunaan Cordipin
2. Bagaimana Cordipin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cordipin
4. Cara menggunakan Cordipin
5. Semasa menggunakan Cordipin
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cordipin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apa kegunaan Cordipin

Nifedipine digunakan untuk menguruskan tekanan darah tinggi (hipertensi) dan sakit dada yang dikaitkan dengan penyakit jantung (angina pektoris vasospastic dan angina pektoris stabil kronik).

Bagaimana Cordipin berfungsi
Cordipin berfungsi dengan mengendurkan dan mengembangkan saluran darah. Ini menjadikan aliran darah lebih mudah dan mengurangkan tekanan darah. Seterusnya, mengurangkan tekanan pada jantung anda. Cordipin juga mengendurkan dan mengembangkan arteri yang membekalkan darah ke jantung. Ini membolehkan lebih banyak darah dan oksigen untuk sampai ke jantung dan mengurangkan tekanan ke atasnya. Serangan sakit dada (angina) anda akan menjadi kurang teruk dan kurang kerap jika kurang tekanan ke atas jantung.

Sebelum menggunakan Cordipin

Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) kepada

- nifedipine atau mana-mana bahan dalam ubat ini,
- Jika anda mempunyai kejutan kardiogenik (masalah jantung, di mana anda boleh menjadi tercungap-cungap, pucat dan mempunyai peluh sejuk dan mulut kering),
- Jika anda mempunyai *advance aortik stenosis* (penyempitan injap jantung aortik),
- Jika anda mempunyai porifia (sejenis gangguan metabolismik),
- Jika anda sedang mengandung atau sedang menyusukan bayi.

Sebelum mula menggunakan Cordipin

Jika anda mengalami penyakit jantung yang teruk (kardiomiopati hipertrofi, angina pektoris tidak stabil), kencing manis, mempunyai masalah hati yang teruk atau peningkatan tekanan darah di dalam saluran paru-paru yang teruk (hipotensi pulmonari) dan jika anda adalah seorang yang berumur, anda akan dipantau oleh doktor anda semasa pengenalan kepada terapi Nifedipine.

Jika anda mempunyai penyakit jantung yang teruk, serangan sakit dada yang kerap (angina pektoris) boleh berlaku pada awal rawatan. Jika anda mempunyai jenis sakit dada yang berlainan, yang dipanggil angina pektoris tidak stabil, atau mereka yang telah pulih dari serangan jantung tidak perlu mengambil Nifedipine *immediate-release*. Dalam kes seperti ini, doktor perlu dirujuk. Bengkak buku lali dan kaki ringan hingga sederhana, biasanya dikaitkan dengan pengenduran salur darah arteri dan bukan disebabkan masalah jantung, berlaku pada satu dalam sepuluh pesakit yang dirawat dengan Nifedipine. Bengkak ini berlaku terutamanya di bawah kaki yang dan biasanya bertindak balas kepada terapi dengan diuretik. Disebabkan kurang pengalaman dikalangan kanak-kanak,

Nifedipine tidak boleh digunakan dalam kumpulan umur ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- ubat-ubatan mengurangkan tekanan darah (penghalang beta, ubat-ubatan untuk meningkatkan perkumuhan air kencing) dan ubat-ubatan tertentu untuk merawat penyakit jantung (nitroglycerin dan *prolonged-release isosorbide*),
- Ubat-ubatan untuk rawatan sakit kronik (fentanyl),
- Infusi magnesium,
- Ubat-ubatan untuk merawat masalah jantung (digoxin, quinidine),
- Ubat untuk merawat epilepsi (phenytoin, carbamazepine),
- Ubat yang selalu diberikan kepada pesakit selepas pemindahan organ (tacrolimus, cyclosporine),
- Ubat untuk merawat asma (teofillin),
- Ubat untuk merawat jangkitan bakteria (rifampicin),
- Ubat untuk merawat ulser perut (cimetidine),
- Ubat untuk merawat jangkitan kulat (Itraconazole, Fluconazole, ketoconazole),
- Ubat untuk merawat jangkitan virus HIV (ritonavir, saquinavir).

Semasa rawatan dengan Nifedipine jus limau gedaang tidak digalakkan kerana ia boleh meningkatkan tahap Nifedipine dalam darah, sekali gus meningkatkan kesannya.

Cara menggunakan Cordipin

Berapa banyak harus digunakan

Dos permulaan adalah sebiji tablet (ditelan sepenuhnya) 3 kali / hari. Dos berkesan yang biasa adalah dalam 10-20 mg tiga kali sehari. Dos melebihi 120 mg setiap hari adalah jarang

CORDIPIN TABLET

Nifedipine 10mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

diperlukan. Dos yang melebihi 180 mg setiap hari adalah tidak digalakkan.

Bila perlu digunakan

Tablet Cordipin perlu diambil selepas makan. Ubat ini harus ditelan dengan segelas air dan tidak boleh dipecahkan atau dikunyah.

Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu mengambil Cordipin selagi doktor anda memberitahu anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Cuba untuk jadikan tabiat mengambil ubat secara teratur pada masa yang sama setiap hari. Jika anda terlepas satu dos, ambilnya secepat mungkin. Walau bagaimanapun, jika ia adalah hanya beberapa jam sebelum dos seterusnya, hanya ambil dos yang dijadualkan seterusnya dan tinggalkan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan yang berlebihan boleh menyebabkan vasodilatasi periferal berlebihan dan diikuti dengan hipotensi yang ketara. Hipotensi biasanya dirujuk sebagai loya, degupan jantung yang pantas, pening kepala atau pengsan. Dalam kes sedemikian, anda perlu berbaring, tinggikan kaki dengan bantal dan hubungi doktor.

Jika makan tablet dalam kuantiti yang banyak, tanda-tanda keracunan adalah seperti tekanan darah rendah, kejutan, degupan jantung yang perlahan atau degupan jantung yang pantas, kegagalan jantung dan konvulsi. Selepas pengambilan tablet yang banyak, doktor perlu dirujuk secepat mungkin supaya dia boleh menentukan rawatan yang sesuai (lavaj gastrik, penjerapan

kepada arang diaktifkan dan rawatan simptomatik).

Semasa menggunakan Cordipin

Tekanan darah boleh jatuh dengan ketara kepada sesetengah pesakit yang tidak dapat bertoleransi dengan baik dengan ubat, terutamanya pada awal rawatan dan jika ubat-ubatan tertentu diambil bersama bertujuan untuk rawatan tekanan darah tinggi (penghalang beta). Dalam kalangan pesakit yang mengambil penghalang beta, kegagalan jantung mungkin berlaku selepas memulakan terapi Nifedipine. Doktor akan membuat temu janji lebih kerap untuk pemeriksaan, yang mana anda perlu lulus dengan kerap walaupun anda berasa sihat.

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda mempunyai tanggapan bahawa kesan ubat yang terlalu kuat atau terlalu lemah, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memandu atau menggunakan mesin sehingga anda mengetahui bagaimana anda bertindak balas kepada rawatan. Terutama pada awal rawatan, ubat ini boleh menyebabkan pening di kalangan pesakit individu dan seterusnya secara tidak langsung mengurangkan keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin sementara waktu.

Semasa rawatan dengan Cordipin, jangan minum jus limau gedang atau minuman beralkohol. Alkohol dan jus limau gedang meningkatkan kesan ubat ke atas tekanan darah dan membawa kepada kesan sampingan yang lebih kerap.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Cordipin mengandungi laktosa. Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda

mempunyai tidak bertoleransi kepada sesetengah gula, bincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-sesan sampingan

Kesan-sesan sampingan adalah sementara dan ringan dan biasanya tidak memerlukan pemberhentian rawatan. Kesan-sesan sampingan yang paling biasa ialah pening, ke awang-awangan, sakit kepala, keletihan, lemah, muka kemerahan, rasa panas, bengkak (sekitar buku lali, kaki, betis atau sekitar mata), denyutan jantung cepat, loya dan pedih ulu hati. Walaupun jarang, pengurangan tekanan darah sementara mungkin berlaku. Walaupun tidak kerap berlaku, degupan jantung pantas dan tidak teratur, sesak hidung dan dada, sesak nafas, cirit-birit, sembelit, kembung, kekejangan sendi, kekejangan otot, kegoyahan, ketakutan, ketaran, gangguan tidur, kabur penglihatan, kesukaran dalam keseimbangan, dermatitis, gatal-gatal, urtikaria, demam, berpeluh, menggigil, masalah seksual boleh berlaku. Pengsan, pengurangan platelet dalam darah, yang boleh meningkatkan risiko pendarahan atau lebam, anemia, pengurangan dalam sel-sel darah putih, ruam kulit, alahan keradangan hati, gusi bengkak, kemurungan, sindrom paranoid, buta sementara di puncak tahap plasma, gangguan dicirikan dengan sakit terbakar, panas dan kemerahan kaki dipanggil *erythromelalgia* dan jenis keradangan sendi juga boleh berlaku.

Nifedipine boleh mengubah sesetengah nilai makmal dan ujian-ujian tertentu (terutamanya hati). Perubahan ini tidak semestinya berkaitan dengan tanda-tanda klinikal (walaupun kes seperti kuning putih mata atau kulit telah dilaporkan).

Pesakit perlu maklumkan kepada doktor tentang sebarang kesan yang tidak diingini, walaupun ia

CORDIPIN TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Nifedipine 10mg

yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan & Pelupusan Cordipin

Penyimpanan

Jauhi dari kanak-kanak.
Simpan di bawah suhu 25°C.
Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.
Jangan gunakan ubat selepas tamat tempoh iaitu yang ditulis di pek selepas 'EXP'. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan itu.

Pelupusan

Tiada keperluan khas.
Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Produk ini bulat, berwarna kuning, sedikit dwi-cembung, tepi yang serong, tablet bersalut filem, bergaris pada sebelah sisi.

Bahan-bahan

Setiap tablet mengandungi 10 mg nifedipine.

Bahan-bahan tidak aktif:
Maize starch, lactose
monohydrate, povidone, sodium lauryl sulfate, talc, pregelatinized

starch, anhydrous colloidal silica in the tablet core and methacrylate copolymer, talc, titanium dioxide (E171), polyethylene glycol and yellow colour (E104) in the coating layer of the tablet.

Nombor MAL:

MAL19861588A

Pengilang

KRKA, d.d., Novo mesto,
Šmarješka cesta 6, 8501 Novo
mesto, Slovenia

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN.
BHD., Lot 5979, Jalan Teratai, 5
½ Miles, Off Jalan Meru, 41050
Klang, Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

08/11/2013